

SULIT

COURSE CODE: MPW 1033



**PEPERIKSAAN AKHIR SESI 2016/DIS
FINAL EXAMINATION SESSION 2016/DIS**

NAMA KURSUS (COURSE NAME)	:	PENGAJIAN MALAYSIA
KOD KURSUS (COURSE CODE)	:	MPW 1033
PROGRAM (PROGRAMME)	:	DCA, DBI, DPH, DTQ DAN DKM
TEMPOH (DURATION)	:	3 JAM
PENSYARAH (LECTURER)	:	PN. HADIJAH JOHARI

ARAHAN (INSTRUCTIONS) :

1. Kertas soalan ini mengandungi **10** helaian bercetak termasuk muka hadapan.
2. Calon dikehendaki menjawab **SEMUA** soalan **Bahagian A** dalam borang OMR
3. Calon dikehendaki menjawab **SEMUA** soalan **Bahagian B dan C** dalam buku jawapan.
4. Pada akhir peperiksaan, serahkan kertas soalan dan jawapan.

NO. MATRIK : **KUMPULAN:** _____
MATRIC NUMBER

(Dengan angka/ In numeric)

NO. KAD PENGENALAN : I/C @ PASSPORT NUMBER

NAMA PELAJAR:

STUDENT'S NAME

**JANGAN BUKA BUKU SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU
DO NOT OPEN THIS BOOKLET UNTIL INSTRUCTED**

BAHAGIAN A (30 Markah)

ARAHAN: Pilih jawapan yang **BETUL**. Sila tandakan jawapan tersebut di dalam borang OMR yang dibekalkan.

1. Apakah impak masyarakat majmuk terhadap pembinaan negara bangsa di Tanah Melayu sebelum merdeka?
 - A. Pengekalan identiti asal
 - B. Fahaman politik yang sama
 - C. Sistem pendidikan yang sama
 - D. Jurang pendapatan yang sama

2. Jelaskan antara berikut, yang manakah **BUKAN** ciri-ciri budaya?
 - A. Diwarisi
 - B. Dikongsi
 - C. Dipelajari
 - D. Dijual beli

3. Sila carikan antara berikut, yang manakah **BUKAN** impak budaya terhadap pembinaan negara bangsa?
 - A. Sistem kekeluargaan
 - B. Sistem pentadbiran
 - C. Nilai keagamaan
 - D. Adat resam

4. Apakah proses pendekatan perpaduan etnik yang berlaku melalui pencantuman biologi?
 - A. Integrasi
 - B. Asimilasi
 - C. Akutulrasi
 - D. Amalgamasi

5. Antara berikut, buktikan peristiwa yang manakah bentuk hubungan kaum di Malaysia berada pada tahap berkompromi?
 - A. Darurat
 - B. Tragedi 13 Mei 1969
 - C. Pengasingan sistem pendidikan
 - D. Pengisytiharan tarikh kemerdekaan

6. Kekayaan hasil bijih timah telah menarik minat British ke atas Tanah Melayu. Namun, antara berikut, buktikan yang manakah tujuan British ingin menguasai Tanah Melayu?
 - A. Memasarkan barang
 - B. Memajukan Tanah Melayu
 - C. Mendapatkan tenaga buruh
 - D. Mengkristiankan orang Melayu
7. Kedatangan British di Perak mendapat tentangan hebat daripada Dato' Maharaja Lela dan penduduk tempatan. Sila carikan antara berikut, yang manakah **BUKAN** sebab kehadiran British di Perak tidak disukai oleh mereka?
 - A. British mengambil hak mengutip cukai
 - B. British menganggap mereka sebagai lanun
 - C. British mengharamkan amalan perhambaan
 - D. British memperkenalkan beberapa cukai baharu
8. Sila simpulkan antara berikut, yang manakah dimaksudkan dengan semangat nasionalisme?
 - A. Perasaan cintakankekayaan negara
 - B. Usaha untuk menebus maruah bangsa
 - C. Perasaan hormat pada lambang negara
 - D. Perjuangan menegakkan kemegahan negara
9. Sila buktikan antara berikut, yang manakah tujuan utama pembentukan Suruhanjaya Reid 1956?
 - A. Membentuk kabinet
 - B. Merangka Perlembagaan
 - C. Pengamalan budaya orang Barat
 - D. Menguruskan pilihan raya umum
10. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 telah memberi kebebasan kepada rakyat untuk mentadbir negara. Sila simpulkan antara berikut, yang manakah maksud kebebasan tersebut?
 - A. Pentadbiran berdasarkan sistem Barat
 - B. Penentuan hala tuju pentadbiran negara
 - C. Pelantikan pegawai Barat sebagai penasihat
 - D. Penyusunan masyarakat mengikut kegiatan ekonomi

11. Jelaskan sebab pemimpin Sarawak, Sabah dan Singapura berminat menyertai gagasan Malaysia?
 - A. Menjamin kemerdekaan
 - B. Mempercepat kemajuan negeri
 - C. Mengelakkan kestabilan politik negara
 - D. Meningkatkan kemajuan ekonomi negara
12. Antara berikut, buktikan yang manakah tindakan kerajaan Filipina dalam usaha menentang idea gagasan Malaysia?
 - A. Tuntutan ke atas Sabah
 - B. Desakan pemimpin tempatan
 - C. Menganggap neokolonialisme
 - D. Terpengaruh dengan Indonesia
13. Jadual di bawah berkaitan dengan peristiwa penyingkiran Singapura dari Malaysia.

Tarikh	Peristiwa
9 Ogos 1965	Singapura berpisah dari Malaysia

- Sila simpulkan antara berikut, yang manakah sebab pemerintah Malaysia mengambil tindakan tersebut?
- A. Menjamin keamanan negara
 - B. Melicinkan sistem pentadbiran
 - C. Mengetatkan syarat kerakyatan
 - D. Mewujudkan keseimbangan ekonomi
14. Jelaskan antara berikut, yang manakah termasuk dalam Senarai Negeri?
 - A. Pertanian dan perhutanan
 - B. Pertahanan
 - C. Pendidikan
 - D. Kewangan

15. Pernyataan berikut berkaitan dengan kandungan Perlembagaan Persekutuan.

- Perkara 153 : Peranan Yang di-Pertuan Agong dalam menjaga dan memelihara hak istimewa serta kedudukan orang Melayu dan bumiputera di Sabah dan Sarawak

Sila simpulkan antara berikut, yang manakah berkaitan dengan hak istimewa tersebut?

- A. Bantuan kewangan
 - B. Kemudahan pendidikan
 - C. Kerakyatan yang sama rata
 - D. Pemberian potongan cukai perniagaan
16. Sila simpulkan antara berikut, yang manakah keadaan wujudnya amalan demokrasi dalam pilihan raya di negara kita?

- A. Sekatan untuk menganggotai parti politik
- B. Rakyat bebas mengundi calon pilihan raya
- C. Rakyat bebas bertanding pada bila-bila masa
- D. Rakyat bebas berkempen pada bila-bila masa

17. Soalan 17 berdasarkan pernyataan berikut.

- Yang Berhormat Abdul Hamid merupakan Ahli Parlimen bagi kawasan A telah meletakkan jawatannya akibat usia yang lanjut dan uzur.

Apakah tindakan yang harus diambil oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)?

- A. Mengadakan pilihan raya umum
 - B. Melantik wakil rakyat yang baru
 - C. Menganjurkan pilihan raya kecil
 - D. Menjalankan daftar pemilih
18. Pernyataan di bawah merujuk kepada penetapan dalam Perlembagaan Persekutuan berhubung dengan pengundian melalui pos.

- Seseorang pengundi yang telah mendaftarkan namanya dalam Senarai Daftar Pemilih boleh mengundi melalui pos.

Sila carikan antara berikut, yang manakah layak mengundi melalui pos?

- A. Anggota Polis Diraja Malaysia
- B. Pensyarah Universiti
- C. Tahanan di Penjara
- D. Pelancong

19. Apakah eleman terpenting dalam amalan demokrasi berparlimen?
- A. YDPA
 - B. Rakyat
 - C. Kerajaan
 - D. Perdana Menteri
20. Sila carikan antara berikut, yang manakah undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Semenanjung?
- A. Akta
 - B. Ordinan
 - C. Enakmen
 - D. Perlembagaan
21. Sila simpulkan antara berikut, yang manakah menjadi kriteria pelantikan seseorang Ahli Dewan Negara di Malaysia?
- A. Mewakili golongan majoriti
 - B. Memenangi pilihan raya umum
 - C. Mewakili parti pemerintah dalam pilihan raya umum
 - D. Memberi sumbangan cemerlang dalam perkhidmatan awam
22. Senarai berikut merujuk kepada badan berkanun di Malaysia.
- Dewan Bahasa dan Pustaka
 - Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
- Sila simpulkan antara berikut, yang manakah berkaitan dengan agensi berikut?
- A. Memiliki kuasa autonomi tertentu
 - B. Meningkatkan hasil eksport negara
 - C. Mewujudkan peluang pekerjaan baharu
 - D. Memantau disiplin kakitangan kerajaan
23. Sila carikan antara berikut, yang manakah bukan Suruhanjaya Perkhidmatan Persekutuan?
- A. Majlis Angkatan Tentera
 - B. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)
 - C. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPR)
 - D. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA)

24. Soalan 24 berdasarkan maklumat berikut.

- Rangka Rancangan Jangka Panjang (RRJP) 1 : Dasar Ekonomi Baru (DEB)
- Rangka Rancangan Jangka Panjang (RRJP) 2 : Dasar Pembangunan Nasional (DPN)

Sila buktikan antara berikut, yang manakah sebab dua RRJP tersebut diperkenalkan.

- A. Membasmi kemiskinan
 - B. Pembangunan berasaskan pengetahuan
 - C. Mengukuhkan perpaduan rakyat Malaysia
 - D. Meningkatkan perdagangan antarabangsa
25. Berapakah tempoh pelaksanaan Rangka Rancangan Jangka Panjang (RRJP) ke-2.
- A. 5 tahun
 - B. 10 tahun
 - C. 15 tahun
 - D. 20 tahun
26. Sila simpulkan antara berikut, yang manakah berkaitan dengan cabaran yang perlu diatasi bagi merealisasikan Wawasan 2020?
- A. Membina bangsa yang kaya raya
 - B. Membina bangsa yang bersatu padu
 - C. Mewujudkan masyarakat yang mementingkan semangat inkuiiri
 - D. Mewujudkan masyarakat yang mementingkan nilai individualistik
27. Berapakah Teras yang dibentuk dalam Dasar Belia Negara?
- A. 7 Teras
 - B. 9 Teras
 - C. 11 Teras
 - D. 13 Teras

28. Maklumat berikut berkaitan dengan pembentukan kebudayaan kebangsaan.

Dasar Kebudayaan Kebangsaan, 1971

Sila simpulkan antara berikut, yang manakah berkaitan matlamat pelaksanaan dasar tersebut?

- A. Mengekalkan identiti negara
 - B. Mempelbagaikan aktiviti pelancongan
 - C. Menyekat penularan kebudayaan asing
 - D. Mengukuhkan kebudayaan kaum imigran
29. Maklumat berikut berkaitan dengan dasar yang dipegang oleh negara-negara Asia Tenggara.

Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN)

Sila simpulkan antara berikut, yang manakah kepentingan dasar tersebut?

- A. Pengukuhan kekuatan ketenteraan
 - B. Peningkatan kerjasama ekonomi
 - C. Bebas daripada persengketaan dunia
 - D. Berjaya menyekat penyeludupan dadah
30. Gambar di bawah merujuk kepada logo sukan Komanwel di Kuala Lumpur pada 1998.



Sila buktikan antara berikut, yang manakah berkaitan tujuan penganjuran sukan tersebut?

- A. Memantapkan semangat perpaduan
- B. Meningkatkan imej pemimpin negara
- C. Memupuk kerjasama negara anggota
- D. Meningkatkan semangat juang atlit tempatan

BAHAGIAN B (50 Markah)
Arahan :Jawab semua soalan berikut

Soalan 1 (10 markah)

- a. Sila rumuskan ciri-ciri masyarakat majmuk seperti yang dikemukakan oleh J.S. Furnival yang membuat kajian masyarakat majmuk di Burma dan Indonesia .
(10 markah)

Soalan 2 (10 markah)

- a. Justifikasikan sebab pihak British memperkenalkan Malayan Union pada 1946?
(10 markah)

Soalan 3 (10 markah)

- a. Buktikan kepentingan Perlembagaan bagi sesebuah negara.
(10 markah)

Soalan 4 (10 markah)

- a. Apakah lima (5) kementerian yang beroperasi pada peringkat persekutuan dan cawangan di negeri serta daerah?
(10 markah)

Soalan 5 (10 markah)

- a. Buktikan lima (5) isu yang pernah diketengahkan oleh Malaysia pada peringkat antarabangsa.
(10 markah)

BAHAGIAN C (20 markah)

Arahan: Jawab SATU soalan eseai berikut

SOALAN 1 (20 Markah)

Jelaskan Dasar Pendidikan Kebangsaan berjaya memupuk perpaduan kaum di Malaysia.

(20 Markah)

KERTAS SOALAN TAMAT